

# Sabah perlu kuasa autonomi dalam pendidikan: Dr Yusof

**Sherell Jeffrey**

DE 15.2.2019

KOTA KINABALU: Sudah 10 bulan kerajaan baharu berkuasa namun Sabah masih lagi belum menerima kuasa autonomi daripada Kerajaan Persekutuan mengenai hal-hal yang berkaitan pendidikan.

Menteri Pelajaran dan Inovasi Negeri, Datuk Dr Yusuf Yacob berkata mereka telah membincangkan hal ini dan semua sedar bahawa terdapat satu jawatankuasa di peringkat persekutuan untuk meneliti perkara tersebut.

"Kami berharap mereka akan terus menelitinya dan kami berharap ia dapat dilaksanakan secepat mungkin," katanya sambil menambah bahawa mereka memahami bahawa terdapat proses tertentu

yang mesti dipatuhi dan diikuti.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan majlis pelancaran buku Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Dewan Recital Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini, Khamis.

Ditanya mengenai jenis autonomi yang Sabah perlukan dari segi pendidikan, beliau berkata, apa yang mereka perlukan sekarang adalah supaya pelaksanaan dan pembangunan mengenai hal-hal yang berkaitan pendidikan dapat diuruskan dengan lebih cekap.

Mengambil contoh isu pembaikan sekolah dan proses pelaksanaan pembangunan sekolah, antara lain, katanya, adalah lebih baik sekiranya proses itu dilaksanakan di

peringkat negeri.

"Sebagai contoh untuk isu-isu berkaitan sekolah-sekolah yang memerlukan pembaikan akibat kebakaran, gempa bumi atau banjir, Sabah harus mempunyai dana khusus dan bukannya terpaksa memohon daripada persekutuan di mana proses untuk mendapatkan bahan untuk pembaikan seperti itu akan mengambil masa.

"Kita memerlukan autonomi untuk membuat keputusan di Sabah. Dasar kami masih selaras dengan keputusan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan dan kami bekerjasama untuk melaksanakan dasar yang dibuat," katanya.

**Lihat muka 2**